



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	1/10/2019	MUKA SURAT	:	67
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Bekalan air di Hulu Langat pulih

Wilayah Petaling, Kuala Langat, Sepang masih dalam proses pemulihan

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekalan air di Hulu Langat pulih sepenuhnya, dengan bekalan air bagi 114,018 akaun terjejas dipulihkan 100 peratus setakat jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad, berkata wilayah Petaling, Kuala Langat dan Sepang bagaimanapun masih dalam proses pemulihan.

"Status pemulihan bagi 132,953 akaun terjejas di Petaling mencapai 99 peratus, manakala bagi 49,180 akaun di Kuala Langat dan 75,880 akaun di Sepang pula masing-masing mencecah 98 peratus setakat jam 6 pagi tadi (semalam).

"Segala usaha diambil bagi memulihkan bekalan air kepada pelanggan yang terjejas mengikut sasaran.

"Bantuan lori tangki air masih digerakkan dan Pusat Khidmat Setempat (PKS) akan terus beroperasi 24 jam sehingga bekalan air pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Sabtu lalu, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihentikan tugas sepenuhnya susulan berlaku pencemaran bau dengan bacaan lima ton di sumber air mentah Sungai Semenyih.

Henti tugas disebabkan pencemaran itu menyebabkan 204 kawasan membabitkan 372,031 akaun di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas dengan gangguan bekalan air tidak berjadual.

Orang ramai boleh merujuk aplikasi Air Selangor menerusi telefon pintar masing-masing atau laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) bagi mendapatkan maklumat dan status terkini mengenai bekalan air.

Orang ramai juga boleh menghubungi Air Selangor di talian 15300 atau Whatsapp ke 019-2816793 / 019-2800919.



**Status pemulihan bagi 132,953 akaun terjejas di Petaling mencapai 99 peratus, manakala bagi 49,180 akaun di Kuala Langat dan 75,880 akaun di Sepang mencecah 98 peratus setakat jam 6 pagi tadi (semalam).**

**Abdul Raof Ahmad,**  
Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor